

# Kerajaan utama subsidi makanan, pembangunan

BH 24/6/08 M/S 7

**K**ERAJAAN mengambil keputusan untuk menjimatkan pembayaran subsidi petrol dan diesel supaya keutamaan lain seperti subsidi makanan dan pembangunan kemudahan asas dapat direalisasikan, kata Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, kerajaan mempunyai pilihan untuk membelanjakan wang yang terhad untuk subsidi atau membelanjakan wang itu untuk dasar keselamatan makanan dan projek pembangunan yang boleh memberi pulangan jauh lebih besar.

"Kerajaan membuat keputusan jauh ke hadapan demi masa depan rakyat di negara ini," katanya ketika membahas usul kenaikan harga petroleum dan barang.

Khairy berkata, pembangkang pula cuba memutar belit fakta terhadap keutamaan kerajaan itu, malah mengeluarkan hujah yang cetek dan tidak ilmiah.

"Perbandingan Malaysia dengan pengeluar minyak seperti Arab Saudi, Kuwait, UAE (Emiriah Arab Bersatu), Qatar dan Venevezuela adalah kurang tepat dan kurang relevan. Ia ibarat tidak membandingkan epal dengan epal," katanya.

Katanya, simpanan minyak negara itu pula perlu dibahagikan dengan jumlah penduduk untuk mendapat simpanan minyak untuk setiap penduduk (perkapita) dan negara seperti

Arab Saudi, Kuwait, UAE dan Qatar mempunyai simpanan perkapita yang tinggi.

Perbincangan Khairy mendapat gangguan daripada pembangkang sehingga beliau beberapa kali meminta Timbalan Speaker, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar mengawal dewan.

Kekecohan berlaku apabila Khairy mendakwa Pakatan Rakyat melalui Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebenarnya berhasrat meminjam wang daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) jika mencapai cita-citanya menjadi Perdana Menteri.

Khairy juga membidas Ahli Parlimen Gombak, Mohamed Amin Ali yang mengatakan kerajaan Barisan Nasional (BN) membazir wang rakyat apabila Petronas diminta menyelamatkan Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) daripada bankrap, membangunkan Putrajaya dan menyelamatkan syarikat milik anak bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Petronas dikatakan tidak amanah tetapi tidakkah perkara yang dikatakan Ahli Parlimen Gombak itu berlaku ketika mentornya, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkuasa.

"Mengapa ketika dalam kerajaan dulu tidak berani cakap tetapi selepas dipecat baru bercakap," katanya.

Khairy kemudian menyentuh soal harga minyak mentah di pasaran dunia naik yang menyebabkan pendapatan Petronas meningkat tetapi Petronas perlu juga menanggung kos operasi perniagaan terutamanya kos cari gali dan pengeluaran yang semakin meningkat.

Khairy juga mengesyorkan supaya kerajaan mengguna pakai levi yang dibayar Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk mengurangkan kadar tarif terhadap pengguna sebagai langkah mengurangkan kos sara hidup rakyat.

**“**Kerajaan membuat keputusan jauh ke hadapan demi masa depan rakyat di negara ini**”**

**Khairy Jamaluddin**  
Ahli Parlimen Rembau